



Jelajah anti 'scam' dilancar, didik masyarakat elak jadi mangsa jenayah siber

Essa Abu Yamin - Februari 18, 2023 @ 6:15pm

essabuyamin@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) dalam usaha untuk meminda Akta Perlindungan Data Peribadi (Akta 709) bagi tujuan keselamatan dan membendung ketirisan data.

Menterinya, Fahmi Fadzil, berkata usaha itu bukan hanya untuk memperkukuhkan akta berkenaan semata-mata, malah demi memastikan semua organisasi yang mengendalikan data bertanggungjawab ke atas keselamatan maklumat peribadi pengguna.

"Bagi transaksi komersial atau pin keselamatan, perlu faham bahawa sekiranya mereka (organisasi kendali data) culas atau gagal melindunginya, maka perlu menghadapi penalti yang serius.

"Ketika ini, seakan-akan tidak ada rasa segan silu jika berlaku ketirisan data, malah sekiranya dibuat penafian, tidak ada pengesahan bahawa penafian itu benar atau tidak. Jadi, undang-undang dari segi itu kita sedang usaha untuk perketat dan ia sangat penting," katanya.

Bercakap demikian pada sidang media selepas Majlis Pelancaran Program Jelajah Anti-Scam Kebangsaan 2023, di sini hari ini, Fahmi berkata, untuk aspek keselamatan siber pula, sekiranya mahu memastikan data selamat, maka prasarana keselamatan siber berkenaan perlu dipastikan terjamin.

Setakat ini, katanya, peranan CyberSecurity Malaysia (CSM) sangat berkesan, tetapi pada masa sama perlu dilihat jika ada keperluan untuk agensi itu diberi lebih kuasa atau mendapat kerjasama lebih erat daripada semua pihak, tidak kira awam atau swasta.

"Ini supaya satu aspek audit keselamatan siber dapat dilakukan," katanya.

Mengenai Program Jelajah Anti-Scam Kebangsaan 2023, beliau berkata, ia dilaksanakan sempena sambutan Hari Keselamatan Internet (SID) 2023, bertujuan memberi pendidikan dan kesedaran kepada pengguna mengenai kaedah mengenali panggilan 'scam,' tatacara serta modus operandi penipuan terkini.

"Ia juga untuk berkongsi panduan bagi menghindari diri daripada menjadi mangsa 'scam' atau ancaman siber yang lain. Kerajaan komited meningkatkan kesedaran rakyat dengan memberi pendidikan serta maklumat mengenai jenayah 'scam'," katanya.

Justeru, Fahmi menggesa masyarakat bersikap proaktif dan mengambil inisiatif melengkapkan diri dengan ilmu serta maklumat mengenai keselamatan siber, harus membina sikap kawal sendiri supaya bijak menilai sesuatu perkara sebelum bertindak.

"Ia juga bagi membolehkan kita dapat bersama-sama membina komuniti Siber MADANI dalam persekitaran siber yang sejahtera," katanya memaklumkan, selain Kuala Lumpur dan Selangor, siri jelajah berkenaan akan diteruskan di Perlis, Kelantan, Johor, Sabah dan Sarawak.